

05 JUN 1997

Negara-Agama

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM DITEMPATKAN DI NEGERI IKUT KESESUAIAN

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perkhidmatan Pegawai Hal-Ehwal Islam untuk kegunaan bersama antara kerajaan persekutuan dan negeri diperlukan untuk menyelaraskan pentadbiran hal-ehwal Islam.

Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Muhamad Abdullah berkata, mengikut konsep itu pegawai Hal-Ehwal Islam akan ditempatkan di negeri-negeri mengikut kesesuaian.

Perkhidmatan bagi semua jabatan agama negeri atau negeri-negeri berkaitan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia itu merupakan langkah terkini yang diambil untuk menjadikan perkhidmatan hal ehwal Islam sebagai perkhidmatan bersama, katanya semasa menjawab soalan Senator Mastika Junaidah Husin di Dewan Negara hari ini.

"Melalui pendekatan ini, penyelarasan dalam pentadbiran hal ehwal Islam akan lebih mudah dicapai," katanya.

Beliau berkata sejak dulu lagi kerajaan berusaha melalui pelbagai pendekatan menyelaraskan pentadbiran hal ehwal Islam tanpa menyentuh bidang kuasa negeri.

Pegawai-pegawai itu akan mendapat latihan yang sama, katanya.

Kepada soalan tambahan Senator Abu Bakar Ismail beliau berkata kerajaan persekutuan tidak boleh "menyentuh" fatwa yang dikeluarkan oleh mufti negeri.

Sementara itu kepada soalan lain, beliau berkata Anugerah Raja Faisal dan anugerah Nehru yang diterima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pengiktirafan terhadap kecemerlangannya di peringkat antarabangsa dari segi ekonomi, agama, politik dan sosial.

"Anugerah itu adalah kejayaan rakyat dan negara, rakyat yang sentiasa memberi sokongan kepadanya," katanya semasa menjawab soalan senator Datuk Zainal Md Deros.

Ahli Parlimen termasuk pembangkang turut mengucapkan tahniah atas anugerah itu, katanya. -- BERNAMA

LES PR